

**TERMA DAN SYARAT**  
**KEMPEN JOM CASHLESS DENGAN AGROBANK (MERCHANT)**

**1. TEMPOH KEMPEN**

- a) Kempen ini bermula dari **28 JANUARI 2025** sehingga **31 JULAI 2025**.

**2. KONSEP SYARIAH**

- a) Konsep Syariah yang diguna pakai bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).  
b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada pelanggan yang memenuhi segala Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai pemenang.

**3. KRITERIA KELAYAKAN**

- a) Kempen ini terbuka kepada **pelanggan baru dan pelanggan sedia ada (Peniaga) Agrobank di seluruh Malaysia**.  
b) Kempen ini adalah khusus bagi Peniaga-peniaga yang berniaga **barangan dan perkhidmatan yang patuh Syariah dari sudut Islam**.  
c) Kakitangan Agrobank tidak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Agrobank dibenarkan menyertai Kempen ini.  
d) Bagi entiti syarikat, Pelanggan (Peniaga) perlu memohon pembiayaan Kredit Mikro dan/ atau, membuka akaun AgroPerdana-i PLUS (Akaun Bukan Individu) dan wajib mendaftar:

**I. Perbankan Internet Perniagaan (AGRONetBIZ)**

**II. QR Peniaga Agrobank (Agrobank QR Merchant)**

- e) Pelanggan perlu ke cawangan Agrobank yang terdekat bagi penghasilan QR Peniaga Agrobank dari pembukaan akaun AgroPerdana-i PLUS sama ada akaun sedia ada atau pembukaan akaun baharu.  
f) Bagi pelanggan individu, Pelanggan (Peniaga) perlu membuka akaun AgroTani-i PLUS (Akaun Individu) dan wajib mendaftar:

**I. Perbankan Internet Mudah Alih (AGRONetMobile)**

- g) Maklumat lanjut mengenai produk pembiayaan Kredit Mikro dan AgroPerdana-i PLUS adalah seperti berikut:

<b>Produk</b>	<b>Maklumat Produk</b>
Kredit Mikro	<a href="https://www.agrobank.com.my/my/product/kredit-mikro/">https://www.agrobank.com.my/my/product/kredit-mikro/</a>
AgroTani-i PLUS	<a href="https://www.agrobank.com.my/my/product/agrotani-i-plus/">https://www.agrobank.com.my/my/product/agrotani-i-plus/</a>
AgroPerdana-i PLUS	<a href="https://www.agrobank.com.my/my/product/agroperdana-i-plus/">https://www.agrobank.com.my/my/product/agroperdana-i-plus/</a>

#### 4. MEKANISMA KEMPEN

Kategori	Produk/Perkhidmatan Terlibat	Bagaimana Untuk Menyertai
<b>Hadiah Pendaftaran :</b> Pembiayaan Mikro Kredit	Pembiayaan Kredit Mikro dan DuitNow QR	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembiayaan Kredit Mikro yang dipohon telah <b>diluluskan</b> dan <b>pengeluaran telah dibuat dalam Tempoh Kempen</b></li> <li>Peniaga perlu menggunakan DuitNow QR dan menerima <b>minimum 50 bilangan transaksi</b> dalam Tempoh Kempen.</li> </ul>
<b>Hadiah Bulanan:</b> Transaksi DuitNow QR Tertinggi	DuitNow QR	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Peniaga perlu menggunakan QR Peniaga Agrobank</b> bagi menerima pembayaran tanpa tunai dalam Tempoh Kempen dengan <b>minimum transaksi DuitNow QR</b> sebanyak <b>50 bilangan transaksi</b>.</li> </ul>
<b>Cabutan Utama:</b> Kategori Wilayah	DuitNow QR	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peniaga yang mencapai penggunaan terkumpul <b>minimum 500 bilangan transaksi pembayaran DuitNow QR</b> pada akhir Tempoh Kempen layak menyertai cabutan bertuah.</li> </ul>

Kategori	Hadiah Bagi Setiap Pemenang	Bilangan Pemenang	Tempoh
<b>*Hadiah Pendaftaran</b>	Satu (1) payung parasol bersaiz 8' x 8'	400	28 Januari 2025 - 31 Julai 2025
<b>**Hadiah Bulanan</b>	RM200 (15 pemenang setiap bulan)	90	<b>Bulan Pertama:</b> 28 Januari 2025 - 28 Februari 2025  <b>Bulan Kedua:</b> 1 Mac 2025 – 31 Mac 2025  <b>Bulan Ketiga:</b> 1 April 2025 – 30 April 2025  <b>Bulan Keempat</b> 1 May 2025- 31 May 2025  <b>Bulan Kelima</b> 1 Jun 2025 – 30 Jun 2025  <b>Bulan Keenam</b> 1 Julai 2025- 31 Julai 2025
<b>Hadiah Cabutan Utama</b>	Satu (1) motosikal setiap Wilayah	8	28 Januari 2025 – 31 Julai 2025
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>498</b>	-

Nota:

\*Hadiah Pendaftaran (Payung Parasol bersaiz 8' x 8' terhad kepada 400 unit terawal.

\*\*Pelanggan layak memenangi Hadiah Bulanan maksimum dua (2) kali pada keseluruhan Tempoh Kempen.

## 6. HADIAH PENDAFTARAN

- a) Pemilihan pemenang Hadiah Pendaftaran adalah berdasarkan kepada kriteria kelayakan bagi Kempen ini.
- b) Hadiah Pendaftaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat kelayakan dan selagi stok masih ada.
- c) Tempoh penerimaan Hadiah Pendaftaran bagi pelanggan (Peniaga) yang layak adalah **enam puluh (60) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima oleh pihak Agrobank.**
- d) Pemenang Hadiah Pendaftaran akan dihubungi oleh cawangan Agrobank sekurang-kurangnya **tiga (3) kali panggilan** menggunakan telefon berdasarkan maklumat terkini yang telah diberikan kepada pihak Agrobank. Sekiranya pemenang Hadiah Pendaftaran tersebut tidak dapat dihubungi, hadiah tersebut akan diberikan kepada pemohon yang layak yang dikenalpasti oleh Agrobank berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- e) Setiap Pelanggan (Peniaga) hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Pendaftaran sahaja bagi Kempen ini.

## 7. PEMILIHAN PEMENANG – HADIAH BULANAN DAN CABUTAN UTAMA

- a) Peniaga hendaklah **memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.**
- b) Pemilihan **pemenang akan dipilih daripada peniaga yang menerima bilangan transaksi tanpa tunai tertinggi melalui DuitNow QR bagi Hadiah Bulanan, manakala bagi Hadiah Utama, pemenang akan dipilih berdasarkan kaedah cabutan bertuah yang memenuhi terma dan syarat Kempen.**
- c) Pelanggan layak memenangi hadiah bagi ketiga-tiga kategori (Hadiah Pendaftaran, Hadiah Bulanan dan Hadiah Cabutan Utama). Bagi **kategori Hadiah Bulanan**, pelanggan layak memenangi hadiah bulanan **maksimum dua (2) kali pada keseluruhan tempoh Kempen.** Manakala bagi **kategori Hadiah Cabutan Utama**, hanya **satu (1) pemenang bagi setiap Cabutan Wilayah.**
- d) Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my). Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang diberikan kepada pihak Agrobank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya **tiga (3) kali panggilan.** Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Agrobank berhak untuk menawarkan hadiah yang dimenangi kepada Pemenang Simpanan.
- e) Hadiah yang dimenangi oleh pemenang tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Agrobank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada pelanggan melalui saluran komunikasi Agrobank seperti laman sesawang.

## 8. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank melibatkan Kempen ini.
- b) Pelanggan juga secara rasminya bersetuju untuk membenarkan pihak Agrobank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Agrobank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- c) Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:
  - i. Pusat Panggilan Bank 1-300-88-2476;
  - ii. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my); atau
  - iii. Kunjungi Cawangan Agrobank berdekatan.
- d) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri produk dan servis yang dilanggan oleh pelanggan.
- e) Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Agrobank.
- f) Pihak Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).
- g) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Agrobank, pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Agrobank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh pelanggan bagi menyertai Kempen ini.